

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**
www.ijmoe.com



**KESAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI RUMAH (PDPR) KEPADA GURU BAHASA MELAYU
SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

*THE EFFECT OF THE TEACHING AND LEARNING FROM HOME (PDPR)
IMPLEMENTATION ON MALAY LANGUAGE TEACHERS DURING THE
MOVEMENT CONTROL ORDER*

Intan Nur Syuhada Hamzah^{1*}, Zamri Mahamod², Ugartini Magesvaran³, Irma Mahad⁴, Nurul Azira Sopian⁵

- ¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: p101189@siswa.ukm.edu.my
- ² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: d-zam@ukm.edu.my
- ³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: p103831@siswa.ukm.edu.my
- ⁴ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: p106607@siswa.ukm.edu.my
- ⁵ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: p110286@siswa.ukm.edu.my
- * Corresponding Author

<p>Article Info:</p> <p>Article history: Received date: 06.10.2021 Revised date: 15.10.2021 Accepted date: 01.11.2021 Published date: 01.12.2021</p> <p>To cite this document:</p> <p>Hamzah, I. N. S., Mahamod, Z., Magesvaran, U., Mahad, I., & Sopian, N. A. (2021). Kesan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr) kepada Guru Bahasa Melayu sepanjang Perintah Kawalan</p>	<p>Abstrak:</p> <p>Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai alternatif pembelajaran norma baharu dan merupakan satu pendekatan yang dilaksanakan bagi menggantikan sistem pendidikan konvensional secara bersemuka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan PdPr kepada guru bahasa Melayu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Aspek kesan dibahagikan kepada tiga konstruk utama iaitu tahap emosi, sikap dan kesihatan. Peninjauan secara kualitatif dilaksanakan dengan penglibatan 8 orang guru bahasa Melayu. Guru-guru ini berstatus guru novis dan guru berpengalaman daripada sekolah rendah dan sekolah menengah. Instrumen kajian yang digunakan ialah temu bual. Data temu bual dianalisis secara bertema mengikut item-item soalan yang disediakan. Hasil kajian mendapati bahawa pelaksanaan PdPr telah memberi kesan negatif tertinggi</p>
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Pergerakan. *International Journal of Modern Education*, 3(11), 24-41.

DOI: 10.35631/IJMOE.311002

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



terhadap sikap guru diikuti emosi dan tahap kesihatan guru. Masalah utama yang mendorong kepada perubahan sikap guru ialah kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala semasa PdP, murid yang tidak menghantar tugasan dan sikap ibu bapa. Aspek tekanan emosi guru semasa PdPr pula didapati berpunca daripada arahan pihak Kementerian yang sentiasa berubah-ubah manakala aspek kesihatan pula disebabkan faktor stres dan kemurungan kerana bebanan kerja semasa PdPr. Turut dicadangkan kajian lanjut dijalankan berkaitan inisiatif mengatasi masalah guru-guru bahasa Melayu sepanjang pelaksanaan PdPr.

Kata Kunci:

Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (Pdpr), Emosi, Sikap, Kesihatan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Abstract:

The implementation of Teaching and Learning from Home (PdPr) has been introduced by the Ministry of Education Malaysia (MOE) as an alternative to the new norms of learning and an approach implemented to replace the conventional face-to-face education system. This study aimed to identify the impact of the PdPr implementation on Malay language teachers during the period of the Movement Control Order (MCO). The impact was divided into three main constructs namely emotional, attitude and health. A qualitative survey was conducted involving 8 Malay language teachers. These teachers were both novice and experienced teachers from primary and secondary schools. The research instrument used was an interview. Interview data were analyzed thematically according to the questions provided. The results of the study found that the implementation of PdPr had the highest negative impact on teachers' attitudes followed by emotions and health levels. The main problems that led to the change in teacher attitudes were the difficulty of establishing two-way communication during the T&L, students not submitting assignments, and parental attitudes. The emotional stress aspect of teachers during PdPr was found to be due to the Ministry's ever-changing instructions while the health aspect was due to stress and depression due to the workload during the PdPr. It was also proposed that further studies be conducted on the initiatives to overcome the problems of Malay language teachers during the implementation of PdPr.

Keywords:

Teaching And Learning From Home (PdPr), Emotions, Attitudes, Health, Movement Control Order (MCO)

Pengenalan

Susulan penularan pandemik Covid-19 di Malaysia, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan untuk memutuskan rantaian wabak. Tindakan ini telah mengubah corak pengajaran dan pembelajaran (PdP) daripada kaedah tradisional secara bersemuka kepada kaedah pembelajaran maya. Pada tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan PdPr sebagai inisiatif untuk memastikan kesinambungan pembelajaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Pelaksanaan PdPr masih berterusan sehingga tahun 2021 berikutan peningkatan kes Covid-19 yang tidak menunjukkan

sebarang penurunan (Tamilnullai Tahnnimalai dan Salini Baloh 2021). Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah atau secara ringkasnya lebih dikenali sebagai PdPr adalah alternatif pembelajaran norma baharu berpandukan manual yang dibangunkan oleh KPM. Menerusi manual PdPr yang disediakan, guru-guru dapat menjalankan PdPr mengikut acuan tersendiri sekali gus mematuhi prinsip asas untuk mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran secara optimum.

Penutupan sekolah di seluruh negara walau bagaimanapun tidak sepenuhnya menghalang proses pendidikan kerana PdPr boleh dilaksanakan dengan berstruktur atau terancang sama ada di rumah, pusat komuniti atau lokasi yang sesuai secara dalam talian, luar talian atau off-site. Namun, perubahan drastik dalam sistem pendidikan telah menyebabkan timbul beberapa isu sepanjang tempoh negara berhadapan dengan pandemik Covid-19. Menurut Prof Madya Dr Azlin Norhaini Mansor (2020), isu berkaitan bidang pendidikan adalah perkara yang kerap dibahaskan iaitu berkenaan pengajaran dalam dan luar talian, home-based learning, beban kerja, kadar gaji guru dan banyak lagi isu berkaitan. Masyarakat menganggap kegagalan menjayakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dipertanggungjawabkan kepada guru sepenuhnya. Realitinya, para guru merupakan antara golongan yang turut terkesan dan menghadapi pelbagai cabaran terutamanya dalam pelaksanaan pembelajaran jarak jauh. Isu gangguan capaian internet, data dan kelengkapan peranti merupakan masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru untuk memastikan PdPR dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Pendedahan terlalu lama di hadapan skrin komputer ketika menjalankan pembelajaran secara virtual serta proses membina pelbagai bahan pengajaran secara digital turut memberi kesan buruk terhadap kesihatan guru.

Penggunaan aplikasi seperti Google Meet, Microsoft Teams, Youtube Live, Zoom, Facebook Live serta aplikasi lain merupakan wadah terbaharu yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan sesi PdPR secara lebih berkesan. Komunikasi secara maya menjadikan sesi pembelajaran lebih bermakna dengan wujudnya komunikasi dua hala yang aktif antara guru dan murid. Namun, isu kehadiran murid yang tidak memberangsangkan serta tidak fokus ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian berlangsung menjadi cabaran baharu kepada guru. Keadaan ini lazimnya disebabkan oleh suasana pembelajaran di rumah yang tidak kondusif, masalah capaian internet, tiada kelengkapan peranti elektronik serta sikap ibu bapa yang tidak peka dengan pembelajaran anak-anak. Menurut Nur Izzati Hazwani (2021), seorang guru memerlukan sifat sabar dan tabah untuk menghadapi karenah murid-murid yang pelbagai ragam terutamanya ketika aktiviti PdPR. Beban kerja yang semakin bertambah, pengorbanan serta usaha yang tidak dihargai pelbagai pihak dan kurang menguasai kemahiran pedagogi berasaskan TMK menjadi punca guru mengalami tekanan pekerjaan yang tinggi. Menurut Statt (2004), tekanan kerja terbahagi kepada dua iaitu tekanan yang memberi kesan positif dan negatif. Hal ini kerana, tahap tekanan yang sederhana dapat membantu meningkatkan kualiti kerja manakala tahap tekanan yang terlampau tinggi akan menyebabkan penurunan prestasi dan masalah seperti gangguan emosi, perubahan sikap dan kesihatan.

Oleh itu, penelitian yang khusus terhadap perubahan aspek emosi, sikap dan kesihatan guru sepanjang pelaksanaan PdPr perlu dikenal pasti. Sekiranya masalah ini tidak dibendung sejak awal, maka kualiti pendidikan akan terjejas dan mengganggu perkembangan kerjaya warga pendidik dalam membina anak bangsa. Semua pihak yang terlibat dalam PdPR sama ada pihak Kementerian, pentadbiran sekolah, guru, ibu bapa dan murid-murid perlu bersama berganding bahu untuk menjayakan pelaksanaan PdPR dalam suasana yang kondusif dan efisien.

Kajian Literatur

Emosi Guru

Perubahan kehidupan norma baharu akibat penularan wabak Covid-19 bukan sekadar mewujudkan peraturan baharu seperti penjarakan sosial, kuarantin, pengasingan dan pematuhan operasi piawai (SOP), namun tanpa disedari perubahan ini telah meninggalkan impak psikologi kepada masyarakat. Gangguan emosi akibat tekanan dizahirkan menerusi rasa kesedihan, kekecewaan, putus asa, kesunyian, kecelaruan, serba salah, kemarahan, kebimbangan dan kecelaruan. Dalam aspek pendidikan, guru perlu bijak mengimbangi emosi mereka dengan baik untuk menghadapi pelbagai masalah dan rintangan terutamanya dalam situasi penerimaan norma baharu. Hal ini kerana, kesukaran guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam situasi ini akan memberikan tekanan emosi diluar kawalan mereka.

Menurut Sapora Sipon (2007) dalam Ooi Chew Hong dan Aziah Ismail (2015), kegagalan guru mengawal diri daripada tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan antara guru dan pelajar sekali gus menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Tekanan emosi yang berlebihan dalam kalangan guru boleh melumpuhkan institusi pendidikan dan profesion perguruan. Kepincangan mewujudkan persekitaran kerja yang membina kecerdasan emosi secara tidak langsung akan menyebabkan mutu pendidikan ke arah masyarakat cemerlang akan terkesan. Persekitaran kerja yang menyumbang kepada tekanan menyebabkan guru memilih untuk berhenti dari profesion atau berhijrah ke kawasan kerja baharu (Ryan et al. 2017). Menurut Pratt (1978) dalam Syed Sofian Syed Salim dan Rohany (2010), punca tekanan kerja guru adalah dipengaruhi oleh kelemahan mengatasi masalah pengajaran, kawalan bilik darjah terutamanya melibatkan murid yang agresif, isu pembelajaran murid-murid serta jurang hubungan antara pentadbir dan kakitangan sekolah.

Hasil kajian Ooi Chew Hong dan Aziah Ismail (2015) mendapati bahawa faktor utama yang menjurus kepada tekanan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah beban tugas dan pengurusan disiplin melibatkan salah laku murid. Guru-guru di SJKC didapati mengalami tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding guru-guru di sekolah kebangsaan. Penerimaan sokongan daripada pihak pengurusan sekolah kepada guru menyumbang kepada produktiviti serta peningkatan kualiti kerja. Aspek ini menjadi salah satu indikator untuk mengurangkan tekanan emosi dalam kalangan guru. Keadaan yang sama juga boleh dilihat di sekolah menengah berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kamaruzaman Kamarudin (2007) bertajuk Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Menengah. Hasil kajian mendapati faktor salah laku pelajar mendahului empat faktor lain yang diukur dalam mempengaruhi tekanan kerja guru iaitu beban tugas, ketersediaan masa dan sumber, kekurangan penghargaan serta hubungan interpersonal.

Kesihatan Guru

Norma baharu telah banyak mengubah corak pengajaran dan pembelajaran para pendidik dan murid-murid apabila perlu menyesuaikan diri menggunakan kaedah pengajaran dalam talian secara segerak atau tidak segerak. Pelaksanaan PdPR yang menggunakan kaedah ini walaupun pada mulanya menghadapi banyak kekangan, namun guru-guru, ibu bapa dan murid-murid sudah mula menerimanya dengan selesa sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran terbaik pada waktu pandemik ini. Walau bagaimanapun, beban tugas guru yang semakin bertambah jika dibandingkan sebelum pandemik telah menyebabkan guru mengabaikan

penjagaan kesihatan fizikal. Kesihatan daripada sudut pandang Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah kesempurnaan dari aspek fizikal, mental, emosi dan sosial. Keadaan fizikal atau luaran yang sempurna tidak menjamin kesihatan secara menyeluruh sekiranya kesihatan mental tidak dititik beratkan. Penularan pandemik Covid-19 bukan sahaja menggugat nyawa namun impaknya turut dirasakan oleh warga pendidik untuk melaksanakan pendidikan dalam tempoh kritikal ini.

Menurut Lee et al. (2012), tekanan yang berlebihan berisiko meningkatkan empat kali ganda peluang untuk mendapat penyakit kritikal seterusnya mengakibatkan penyakit mental yang serius dalam kalangan guru. Penjagaan kesihatan mental menjadi keutamaan terutamanya dalam suasana pendidikan norma baharu bagi memastikan guru-guru dapat melaksanakan PdPr dengan berkesan dan mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, beberapa kajian yang menyatakan bahawa beban tugas, pengurusan masa yang tidak efektif atau terhad memberi tekanan (Abdul Said Ambotang dan Muhamad Hisyam, 2014) dan menyebabkan masalah kemurungan (Manak Ek Klai & Farhana Kamarul Bahrin, 2020). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa salah satu faktor dominan yang menyumbang kepada masalah kesihatan guru adalah bebanan kerja. Profesion keguruan juga dikatakan antara kerjaya yang mempunyai tekanan kerja yang tinggi dan menyumbang kepada masalah kesihatan yang serius (Sprenger, 2011). Penjagaan kesihatan mental, emosi dan fizikal perlu dititikberatkan terutamanya dalam suasana pendidikan baharu yang terdedah kepada penggunaan teknologi sepenuhnya.

Aspek kekangan masa kerana ketidakcekapan amalan pengurusan masa dalam suasana pendidikan dikenal pasti memberi tekanan kepada guru (Suhaimi Kamarudin & Muhamad Suhaimi Taat, 2020) dan berisiko mengalami masalah kesihatan mental dan fizikal (Mohamed, 2018). Cabaran pendidik masa kini yang perlu bekerja di hadapan skrin pada satu-satu masa mengakibatkan masalah kesihatan seperti postur badan yang lemah dan keletihan mata akibat pergerakan yang terhad serta pendedahan terlalu lama di hadapan skrin komputer.

Sikap Guru

Aspek sikap guru turut memainkan peranan dalam menempuhi corak pengajaran norma baharu dengan berhemah dan berkesan. Roselizam dan Noradilah (2020) mengatakan sikap merupakan salah satu kesediaan mental seseorang dalam mempengaruhi maklum balas atau respon terhadap sesuatu perkara yang dinamik. Dalam konteks ini, guru perlu menyesuaikan diri dengan struktur Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara berlapang dada sama ada perubahan ini memberi kesan kepada sikap guru dari sudut positif atau negatif. Hal ini kerana sikap mempengaruhi seseorang membuat keputusan terhadap aspek yang disukai atau tidak disukai berdasarkan perasaan, pemikiran, kepercayaan dan pemikiran (Rohaida Yusop dan Zamri Mahamod, 2015). Oleh itu, kerjasama daripada semua pihak khususnya daripada murid dan ibu bapa adalah amat penting menerusi peranan masing-masing dalam memastikan pelaksanaan PdPR guru berjalan dengan lancar serta mempengaruhi sikap guru dalam menyediakan pengajaran yang berkesan.

Menurut Profesor Dr Samsilah Roslan (2020), proses komunikasi yang berterusan dan sikap saling hormat menghormati antara semua pihak khususnya ibu bapa memainkan peranan yang penting semasa pelaksanaan PdPR kerana guru hanya bergantung dengan bantuan dan kerjasama ibu bapa dalam memastikan semua pelajar mengikuti PdPR yang disediakan. Tanpa bantuan yang diberikan, guru sukar untuk mengakses dan mengikuti perkembangan pembelajaran murid sepanjang pembelajaran di rumah. Hal ini akan memberikan kesan

terhadap keseimbangan sikap guru untuk mengendalikan proses PdPR secara menyeluruh. Aiken (1976) dan Ajzen (1988) dalam Suzlina dan Jamaludin (2016) mengatakan sikap menunjukkan tingkah laku dalaman individu yang memperlihatkan kecenderungan tindak balas terhadap sesuatu situasi, konsep, institusi, benda atau individu lain secara positif atau negatif. Hal ini menunjukkan bahawa PdPR mempengaruhi sikap guru mengikut kecenderungan penerimaan yang diterima oleh guru.

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh Laura, Lesly dan Jeff (2020) mengenai sikap guru Kanada terhadap perubahan, keberkesanan dan kelestarian semasa Pandemik Covid-19 telah mendapati guru-guru kelihatan letih untuk meningkatkan pengurusan bilik darjah dan pencapaian murid serta sikap kognitif guru dalam mendepani perubahan persekitaran pendidikan semasa pandemik mengalami perubahan yang lebih negatif. Di samping itu, proses penyesuaian diri dengan persekitaran pembelajaran norma baharu di rumah turut menjejaskan sikap guru mereka. Hasil kajian ini menunjukkan sikap guru mengalami perubahan untuk menyesuaikan diri dengan situasi pengajaran yang baharu. Justeru, pelaksanaan PdPR secara tidak langsung mempengaruhi sikap guru dan memberi kecenderungan terhadap tingkah laku guru untuk memberi maklum balas yang positif atau sebaliknya.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes sesuai digunakan untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) kepada guru bahasa Melayu sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) berlangsung.

Pemilihan sampel bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang terbahagi kepada dua kategori iaitu guru novis dan guru berpengalaman. Seramai 8 orang guru bahasa Melayu yang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah dipilih sebagai sampel kajian untuk ditemu bual. Bagi kajian ini, seramai empat orang guru bahasa Melayu berstatus guru novis dan empat orang guru berpengalaman telah setuju untuk memberikan kerjasama memberikan maklumat berkaitan kajian yang hendak dilaksanakan. Temu bual dilaksanakan secara dalam talian dimana guru perlu mengisi *google docs* yang diberikan dalam bentuk pautan ringkas. Kandungan protokol temu bual dibahagikan kepada empat bahagian seperti dalam jadual 1 yang dikategorikan mengikut bahagian, elemen serta jumlah item yang telah disenaraikan dalam protokol temu bual.

Jadual 1: Taburan Item Mengikut Bahagian Dalam Protokol Temu Bual


Bahagian	Elemen	Item
Bahagian A	Demografi Responden	5
Bahagian B	Tahap emosi guru bahasa Melayu semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP)	11
Bahagian C	Sikap guru bahasa Melayu semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP)	11
Bahagian D	Kesihatan guru bahasa Melayu semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP)	9

Berdasarkan jadual 1, prosedur penganalisan data dijalankan berdasarkan objektif yang telah dikemukakan. Protokol temu bual akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi demografi guru dalam bentuk frekuensi dan peratus manakala data temu bual dihuraikan secara naratif iaitu menyediakan gambaran tema yang dibina berdasarkan objektif kajian. Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen temu bual yang telah dibangunkan, seorang pakar penilai yang merupakan pakar bidang bahasa telah dirujuk. Pelaporan hasil kajian dihuraikan dengan memberi penerangan serta huraian secara terperinci mengikut tema kepada hasil dapatan data yang diperoleh daripada data temu bual kajian. Interpretasi dapatan kajian juga dilakukan menerusi pelaporan menggunakan bentuk kajian kualitatif.

Dapatan Kajian


Bahagian ini akan membincangkan secara terperinci tentang dapatan dan analisis data kajian dalam bentuk jadual berdasarkan instrumen temu bual yang telah digunakan.

Analisis Demografi




Rajah 1: Jantina Guru

Rajah 1 menunjukkan peratusan maklumat demografi jantina guru. Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 8 orang guru. 4 orang guru dipilih secara rawak daripada kategori sekolah rendah dan 4 orang guru dipilih daripada kategori sekolah menengah yang terdiri daripada 4 orang lelaki (50%) dan 4 orang perempuan (50%).




Rajah 2: Umur Guru

Rajah 2 menunjukkan guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam lingkungan umur 21 hingga 30 tahun adalah seramai 3 orang (37.5%) diikuti dengan 31 hingga 40 tahun seramai 2 orang (25%). 41 hingga 50 tahun pula seramai seorang dan 51 hingga 60 tahun sebanyak 2 orang guru (25%).




Rajah 3: Kelulusan Tertinggi Guru

Dari segi kelulusan tertinggi pula, didapati seramai 5 orang guru (62.5%) memiliki ijazah sarjana muda dan 3 orang guru (37.5%) memiliki sarjana pendidikan.



Rajah 4: Pengalaman Mengajar Guru

Rajah 4 menunjukkan seramai 4 orang guru (50%) merupakan guru novis yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 3 tahun. Daripada 4 orang guru novis tersebut, seramai 2 orang guru berkhidmat di sekolah menengah dan 2 orang guru berkhidmat di sekolah rendah. 4 orang guru lagi merupakan guru yang berpengalaman mengajar sekolah menengah dan rendah. Hanya seorang guru (12.5%) memiliki pengalaman mengajar 4 hingga 10 tahun manakala 3 orang guru (37.5%) mempunyai pengalaman mengajar selama 21 tahun dan ke atas.



Rajah 5: Pengkhususan Guru

Bagi bidang pengkhususan, didapati seramai 6 orang guru (75%) memiliki major bahasa Melayu dan 2 orang guru (25%) memiliki minor bahasa Melayu.

Analisis Temu Bual

Kajian ini berfokus kepada kesan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) kepada guru bahasa Melayu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara konstruk item kesan pelaksanaan PdPr kepada guru adalah berkaitan tahap emosi guru, sikap dan

kesihatan. Jadual 3 di bawah menunjukkan senarai singkatan yang digunakan oleh pengkaji pada bahagian dapatan dan perbincangan kajian.

Jadual 3: Senarai Singkatan

Guru	Perkara
GNSM	Guru Novis Sekolah Menengah L & P
GPSM	Guru Berpengalaman Sekolah Menengah L & P
GNSR	Guru Novis Sekolah Rendah L & P
GPSR	Guru Berpengalaman Sekolah Rendah L & P

Tahap Emosi Guru Bahasa Melayu Semasa Pelaksanaan PdPr Sepanjang PKP

Menurut Muhammad Idham et. al (2010), emosi merupakan suatu perasaan dan pemikiran yang ada dalam diri seseorang, keadaan psikologi dan fizikal serta rangkaian kecenderungan dalam mendorong seseorang untuk bertindak. Pengukuran tahap emosi guru sangat diutamakan supaya pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Jadual 4 di bawah menunjukkan senarai taburan kekerapan bagi tema emosi. Dapatan temu bual mendapati faktor utama yang memberi kesan kepada perubahan emosi guru sepanjang PdPr dilaksanakan adalah ‘cemas dengan arahan daripada pihak Kementerian yang sentiasa berubah mengikut situasi semasa’ yang mendapat kekerapan tertinggi diikuti ‘persekitaran kerja yang tidak kondusif’, ‘tidak bermotivasi untuk melaksanakan PdPr secara lebih sistematik’, dan ‘tidak mendapat kerjasama daripada ibubapa pelajar’. Aspek-aspek lain seperti ‘kurang waktu tidur’, ‘bebanan lambakan tugas’ dan ‘tidak mahir menggunakan teknologi’ didapati tidak mempengaruhi perubahan emosi guru dengan begitu ketara. Dapatan turut menunjukkan bahawa aspek ‘tidak menerima motivasi daripada pihak pentadbiran’ dan ‘tidak mahir menggunakan teknologi’ sama sekali tidak menjejaskan emosi guru semasa PdPr berlangsung.

Jadual 4: Senarai Taburan Dapatan Tema Emosi

Bil.	Subtema	GNSM		GNSR		GPSR		GPSM		Jumlah
		L	P	L	P	L	P	L	P	
1	Tidak mampu mengawal emosi dengan baik	x	x	x	/	x	x	x	x	1
2	Kurang waktu tidur	x	/	x	x	x	/	x	x	2
3	Gangguan punca-punca peribadi									
4	Tidak bermotivasi untuk melaksanakan PdPr secara lebih sistematik	/	/	x	/	x	x	/	x	4
5	Masalah capaian internet	x	x	x	x	x	x	/	x	1
6	Tidak mahir menggunakan teknologi	x	/	x	/	x	/	x	/	1
7	Tidak mendapat kerjasama daripada ibubapa pelajar	x	/	/	/	x	/	x	x	4
8	Tidak menerima motivasi daripada pihak pentadbiran	x	x	x	x	x	x	x	x	0
9	Bebanan lambakan tugas	x	/	x	x	x	x	/	x	2

10	Persekitaran kerja yang tidak kondusif	/	/	x	x	x	/	/	/	5
11	Cemas dengan arahan daripada pihak Kementerian yang sentiasa berubah mengikut situasi semasa	x	/	/	/	/	/	/	x	6

Sikap Guru Semasa Pelaksanaan PdPr Sepanjang PKP

Sikap yang profesional menggambarkan kecenderungan seseorang untuk menjadi guru yang memiliki kompetensi. Kajian untuk mengenal pasti sikap guru adalah signifikan kerana kaedah ini merupakan salah satu matlamat dalam reformasi sekolah dan negara iaitu meningkatkan pencapaian akademik murid-murid (KPM, 2013). Jadual 5 di bawah menunjukkan faktor utama perubahan sikap guru sepanjang pelaksanaan PdPr adalah 'sukar mewujudkan komunikasi dua hala semasa pelaksanaan PdPr disebabkan sikap murid', 'sukar membuat penilaian semasa pelaksanaan PdPr kerana sikap murid yang tidak menghantar tugas' dan 'sukar mengenal pasti perkembangan murid semasa pelaksanaan PdPr kerana sikap ibubapa yang tidak memberi kerjasama' mendapat bilangan kekerapan tertinggi. Aspek-aspek lain seperti 'sukar membuat penilaian semasa pelaksanaan PdPr kerana sikap murid yang tidak menghadiri PdPr', 'sukar mengetahui perkembangan murid kerana faktor ibubapa yang tidak berpendidikan', 'menganggap PdPr tidak produktif terhadap perkembangan kerjaya sebagai guru', 'kurang berinteraksi dengan rakan sekerja kerana persekitaran kerja yang berubah sejak PdPr', 'prestasi kerja guru semakin memburuk sejak bermulanya PdPr' dan 'sukar menguruskan masa sepanjang tempoh PdPr' merupakan antara aspek yang mempengaruhi perubahan sikap guru pada tahap sederhana. Namun demikian, bagi aspek 'bersikap ambil lewa menguruskan PdPr' dan 'tidak mengambil berat mengenai perkembangan pembelajaran murid-murid sejak PdPr bermula' sama sekali tidak menjejaskan perubahan sikap guru sepanjang pelaksanaan PdPr.

Jadual 5: Senarai Taburan Dapatan Tema Sikap

Bil.	Subtema	GNSM		GNSR		GPSR		GPSM		Jumlah
		L	P	L	P	L	P	L	P	
1	Sukar menguruskan masa sepanjang tempoh PdPr	x	/	x	x	x	x	x	/	2
2	Sambil lewa menguruskan PdPr	x	x	x	x	x	x	x	x	0
3	Tidak mengambil berat mengenai perkembangan pembelajaran murid-murid sejak PdPr bermula	x	x	x	x	x	x	x	x	0
4	Menganggap PdPr tidak produktif terhadap perkembangan kerjaya sebagai guru	/	/	x	x	x	x	/	/	4
5	Kurang berinteraksi dengan rakan sekerja kerana persekitaran kerja yang berubah sejak PdPr	x	x	/	/	x	x	/	x	3

6	Prestasi kerja guru semakin memburuk sejak bermulanya PdPr	x	/	/	/	x	x	x	x	3
7	Sukar mewujudkan komunikasi dua hala semasa pelaksanaan PdPr disebabkan sikap murid	x	/	/	/	/	/	/	/	7
8	Sukar membuat penilaian semasa pelaksanaan PdPr kerana sikap murid yang tidak menghantar tugas	/	/	/	/	/	/	/	x	7
9	Sukar membuat penilaian semasa pelaksanaan PdPr kerana sikap murid yang tidak menghadiri PdPr	x	/	/	/	/	/	/	x	6
10	Sukar mengenal pasti perkembangan murid semasa pelaksanaan PdPr kerana sikap ibubapa yang tidak memberi kerjasama	/	x	/	/	/	/	/	/	7
11	Sukar mengetahui perkembangan murid kerana faktor ibubapa yang tidak berpendidikan	x	/	x	/	/	x	/	/	5

Tahap Kesihatan Guru Bahasa Melayu Semasa Pelaksanaan PdPr Sepanjang PKP

Menurut Ishak dan Rose (2020) masalah tekanan emosi berkaitan kesihatan akan dihadapi oleh pekerja yang bekerja di rumah kerana tidak dapat mengimbangi urusan kerja dan keluarga. Dengan itu, tahap kesihatan guru perlu diberi perhatian bagi menjamin bebanan kerja yang dihadapi ketika wabak ini dapat diatasi dengan baik serta tidak menjejaskan tahap kesihatan guru. Jadual 5 di bawah memaparkan senarai taburan dapatan bagi tema kesihatan dalam kajian ini. Dapatan menunjukkan faktor utama kesihatan guru terjejas semasa pelaksanaan PdPr adalah mengalami masalah 'sakit di bahagian bahu kerana kedudukan postur badan yang lemah' dan 'stres atau kemurungan kerana bebanan kerja' yang memperoleh bilangan kekerapan tertinggi. Masalah kesihatan seperti 'sakit kepala', 'waktu tidur yang tidak normal', 'kegelisahan (anxiety)', 'masalah penglihatan' dan 'tidak cergas dan cerdas' memperoleh kekerapan di tahap sederhana. Manakala aspek kesihatan 'obesiti' dan 'darah tinggi' masing-masing mencatatkan kekerapan terendah bagi tema tahap kesihatan guru sepanjang pelaksanaan PdPr.

Jadual 6: Senarai Taburan Dapatan Tema Kesihatan

Bil.	Subtema	GNSM		GNSR		GPSR		GPSM		Jumlah
		L	P	L	P	L	P	L	P	
1	Masalah penglihatan	x	x	x	/	x	/	x	/	3
2	Sakit di bahagian bahu kerana kedudukan postur badan yang lemah	x	/	x	/	x	/	/	/	5
3	Obesiti	x	x	x	x	x	x	x	x	0
4	Sakit kepala	x	/	x	x	x	/	/	/	4
5	Waktu tidur yang tidak normal	x	/	x	/	x	/	x	/	4
6	Stres atau kemurungan kerana bebanan kerja	x	x	x	/	/	/	/	/	5
7	Darah tinggi	x	x	x	x	x	x	x	x	0
8	Tidak cergas dan cerdas	x	x	x	/	x	x	x	x	1
9	Kegelisahan (anxiety)	x	x	x	x	/	/	/	/	4

Perbezaan Kesan Pelaksanaan PdPr Terhadap Emosi, Sikap dan Kesihatan Guru Novis dan Guru Berpengalaman Sepanjang PKP

Jadual 6 di bawah memaparkan dapatan perbezaan kesan pelaksanaan PdPr kepada guru novis dan guru berpengalaman. Hasil temu bual mendapati kesan pelaksanaan PdPr memberi kesan tertinggi terhadap perubahan sikap guru diikuti kesan terhadap emosi dan kesihatan. Berdasarkan kumpulan, didapati bahawa guru novis mempunyai kekerapan tertinggi bagi kesan terhadap perubahan sikap manakala guru berpengalaman mempunyai kekerapan tertinggi terhadap kesan kepada tahap kesihatan. Guru novis mencatatkan kekerapan terendah bagi kesan terhadap kesihatan manakala guru berpengalaman menunjukkan kekerapan terendah bagi kesan terhadap emosi.

Jadual 7: Senarai Dapatan Perbezaan Kesan Pelaksanaan kepada Guru Novis dan Guru Berpengalaman

Konstruk	Kesan terhadap Guru						Jumlah keseluruhan
	Guru Novis			Guru Berpengalaman			
	SM	SR	Jumlah	SM	SR	Jumlah	
Emosi	10	8	18	8	7	15	33
Sikap	10	13	23	12	9	21	44
Kesihatan	3	5	8	8	10	18	26

Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan dapatan hasil kajian yang terbahagi kepada aspek emosi, sikap dan kesihatan guru sepanjang PdPr serta kesannya kepada guru novis dan guru berpengalaman.

Emosi Guru

Temu bual daripada kajian ini mendapati bahawa faktor arahan yang sentiasa berubah-ubah oleh pihak Kementerian telah memberi kesan terhadap aspek emosi guru-guru semasa pelaksanaan PdPr sepanjang tempoh PKP. Berdasarkan temu bual, guru menyatakan bahawa mereka bimbang tidak dapat melakukan yang terbaik apabila pihak Kementerian sentiasa

mengumumkan perubahan arahan serta menimbulkan kegelisahan apabila keputusan diumumkan secara drastik dan memerlukan tindakan segera. Dapatan ini seiring dengan kenyataan Vijayah Malar (2020) iaitu gangguan terhadap amalan atau rutin kebiasaan sedia ada menjadi punca kepada berlakunya tekanan emosi dalam kalangan pendidik. Berikutan penularan Covid-19 mencatatkan nilai kebolehsangkitan (R_0) yang tinggi, beberapa langkah penting telah diambil pihak Kementerian termasuklah menangguh pembukaan sekolah untuk sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Susulan perkembangan ini, pihak Kementerian merancang satu mekanisme untuk diimplikasikan dalam sistem pendidikan agar dapat membantu memenuhi keperluan guru dan murid. Namun demikian, pendekatan drastik yang diambil ini telah menyebabkan berlaku banyak perubahan dalam sistem pendidikan serta berlakunya penyebaran maklumat yang tidak jelas. Kekeliruan ini disebabkan terdapat banyak perkara yang perlu diperhalusi dan dipertimbangkan oleh pihak Kementerian membabitkan isu PdPr kerana akan memberi impak kepada sistem pendidikan. Secara tidak langsung, situasi ini telah menyebabkan berlakunya ketidak seimbangan perasaan dan memberikan tekanan kepada guru.

Sikap Guru

Hasil dapatan kajian menunjukkan guru sering mengalami kesukaran dalam memastikan proses PdPR dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Hal ini kerana guru mempunyai masalah dalam mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dan murid semasa PdPR. Menurut Mohd Khairuddin Abdullah et al (2014), proses pengajaran dan pembelajaran merupakan aktiviti yang banyak melibatkan komunikasi terutamanya antara guru dengan murid. Halangan mewujudkan komunikasi dua hala ini berlaku kerana sikap murid yang sering tidak mengikut perkembangan kelas, bosan dengan PdPR, malu untuk berkomunikasi dan ada murid yang langsung tidak memberi respon terhadap medium pengajaran yang digunakan oleh guru. Isu ini memberi kesan yang negatif terhadap corak pengajaran guru yang tidak aktif dan menyeluruh semasa PdPR. Suasana yang lesu dan suram akan membelenggu sikap guru untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan dan menyeronokkan.

Sekain itu, guru didapati mengalami kesukaran dalam membuat penilaian semasa pelaksanaan PdPr kerana sikap murid yang tidak menghantar tugas berada pada tahap yang membimbangkan. Hal ini kerana murid tidak sempat menyiapkan tugas pada masa yang ditetapkan, tidak berdisiplin dan tidak menghantar tugas. Sikap murid yang tidak bertanggungjawab ini memberi kesan terhadap keprihatian guru bagi menjamin perkembangan murid bergerak seiring dengan proses pengajaran yang dijalankan. Walau bagaimanapun masalah ini boleh diatasi dengan sikap prihatin dan komitmen guru yang tinggi dalam mewujudkan hubungan yang baik dengan ibu bapa untuk memastikan semua pelajar menghantar tugas. Namun sejauh manakah tahap kerjasama daripada pihak ibu bapa mampu mempengaruhi sikap penerimaan guru yang positif semasa PdPR.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan pihak ibu bapa tidak memberi kerjasama dalam membantu guru memastikan perkembangan murid semasa PdPR. Guru menyatakan kebimbangan terhadap sikap ibu bapa yang tidak memberi kerjasama dan telah menyukarkan guru untuk mengetahui perkembangan murid dari semasa ke semasa. Perkara ini disebabkan ibu bapa sibuk bekerja dan memberi segala tanggungjawab kepada guru semata-mata. Dalam situasi ini, ibu bapa perlu mengambil berat terhadap perkembangan pendidikan anak-anak kerana mereka berada dalam pemantauan ibu bapa sepenuhnya (Irma et.al 2021). Kesukaran guru untuk mendapat kerjasama daripada ibu bapa akan mempengaruhi sikap guru dalam

menghasilkan pengajaran yang berkesan semasa PdPR. Justeru, ibu bapa perlu memainkan peranan yang menyeluruh dalam menjamin tahap penerimaan sikap guru yang berkualiti bagi memastikan anak-anak mendapat keperluan pendidikan yang berkesan walaupun kita perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran norma baharu pada tempoh masa yang lama.

Kesihatan Guru

Analisis dapatan kajian menunjukkan guru-guru mengalami masalah kesihatan fizikal iaitu melibatkan masalah penglihatan mata dan sakit di bahagian bahu kerana kedudukan postur badan yang terlalu lama akibat tiada pergerakan adalah berpunca daripada pendedahan terlalu lama di hadapan skrin komputer. Pandemik Covid 19 yang melanda negara telah memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara yang mana guru-guru perlu mengadaptasi pedagogi digital sepenuhnya sebagai norma baharu dalam pengajaran. Keadaan ini secara tidak langsung tanpa disedari turut mendatangkan kesan negatif terhadap tahap kesihatan guru-guru yang mana menghadapi masalah mata rabun yang tinggi dan masalah pada postur badan sehingga ada yang terpaksa mendapatkan rawatan fisiologi. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan manual PdPR bertujuan untuk membantu guru-guru melaksanakan PdPR sebagai alternatif pembelajaran norma baharu yang mana salah satu kaedah yang dicadangkan adalah penggunaan modul dan pembelajaran berasaskan projek. Oleh itu, bagi mengurangkan kebergantungan guru-guru dengan penggunaan komputer maka penggunaan modul dan pembelajaran berasaskan projek yang dilaksanakan secara luar talian boleh dilaksanakan. Hal ini sedikit sebanyak boleh membantu guru-guru mengurangkan risiko kesihatan fizikal yang lebih teruk kesan daripada terlalu lama berada di hadapan skrin komputer.

Dapatan temubual bagi tema kesihatan menunjukkan guru-guru turut mengalami masalah stres semasa pelaksanaan PdPR yang mana masalah stres dihadapi berpunca daripada rehat yang tidak mencukupi untuk menyiapkan bahan PdPR. Menurut Mohamad Abdillah Royo dan Woo Sew Fun (2010), kekangan masa merupakan faktor dominan yang menyebabkan tekanan kerja. Tugas guru tidak berhenti setelah selesai melaksanakan PdPR tetapi tugas guru berterusan tanpa henti apabila perlu memastikan murid-murid menghantar tugas dan setiap tugas perlu disemak bagi tujuan pentaksiran. Perkara ini seharusnya dipertimbangkan oleh pihak pentadbir dengan cara menyusun jadual PdPR agar lebih fleksibel dan guru-guru dapat melepaskan lelah setelah penat bertungkus-lumus menjalankan PdPR.

Kesan Pelaksanaan PdPr kepada Guru Novis dan Guru Berpengalaman

Dapatan temu bual mendapati kesan pelaksanaan PdPr sepanjang tempoh PKP memberikan impak kepada guru novis dan guru berpengalaman dalam ketiga-tiga aspek yang dibincangkan. Dari aspek emosi dan sikap, guru novis dan guru berpengalaman masing-masing tidak menunjukkan perbezaan yang begitu ketara. Antara faktor yang jelas memberi persamaan antara guru novis dan guru berpengalaman dari aspek perubahan emosi adalah cemas dengan arahan dari pihak Kementerian yang sentiasa berubah-ubah. Bagi aspek sikap pula, guru novis dan guru berpengalaman berhadapan masalah yang sama iaitu sukar mewujudkan komunikasi dua hala kerana tidak menerima kerjasama daripada ibu bapa dan murid. Namun demikian, aspek kesihatan didapati lebih memberi kesan terhadap guru berpengalaman berbanding guru novis sepanjang pelaksanaan PdPr.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PdPr memberi kesan yang ketara terhadap sikap guru novis. Menurut Yusof (2008), kredibiliti guru novis sering dipertikaikan terutamanya kebolehan mengawal emosi, sikap yang pasif serta lemah terhadap penguasaan pedagogi mengurus bilik darjah dengan berkesan. Sejak kebelakangan ini, perubahan situasi pengajaran dan pembelajaran menjejaskan guru-guru dengan kritikan daripada masyarakat terutamanya ibu bapa. Oleh itu, guru-guru novis terutamanya yang mempunyai pengalaman tempoh mengajar kurang tiga tahun sudah tentu berhadapan masalah untuk menyesuaikan diri dengan situasi baharu ini. Guru berpengalaman pula didapati menerima kesan dominan dari aspek kesihatan berbanding guru novis. Tekanan kerja dalam kalangan guru boleh menyebabkan berlakunya peningkatan gejala kesihatan yang terjejas seperti sakit kepala, sakit belakang, sakit leher, sakit otot dan tekanan darah tinggi (Mojoyinola, 2008). Kenyataan ini menyokong dapatan Norliyana Zakaria dan Halimah M. Yusof (2017) yang menyatakan bahawa kesan tekanan kerja yang panjang akan mempengaruhi kesihatan pekerja. Guru-guru berpengalaman yang bertugas pula adalah guru yang berkhidmat dalam tempoh yang lama dan berusia. Secara ringkasnya, faktor-faktor yang dikaji telah menentukan kesan yang mempengaruhi perubahan aspek sikap, emosi dan kesihatan bagi guru novis dan guru berpengalaman bagi kajian ini.

Kesimpulan

Struktur pembelajaran dalam bidang pendidikan turut terkesan akibat penularan wabak Covid 19. Sepanjang pelaksanaan PdPR, rata-rata media banyak melaporkan tentang kesukaran dan cabaran yang dihadapi oleh murid-murid dalam mengikuti kelas PdPR, hakikatnya fokus utama juga perlu diberikan kepada guru-guru sebagai golongan pelaksana yang turut terkesan dengan pelaksanaan PdPR ini. Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji mendapati guru-guru terkesan daripada aspek emosi, sikap dan kesihatan yang berpunca daripada pelbagai faktor sekeliling. Seharusnya, guru-guru novis dan berpengalaman perlu diberi ruang dan peluang untuk meluahkan segala masalah yang dihadapi sepanjang pelaksanaan PdPR agar segala permasalahan ini dapat didengar dan jalan penyelesaian terbaik dapat dicapai. Gangguan emosi bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh, jika tidak diatasi dengan bijak akan mendatangkan masalah lain yang lebih kronik seperti stres, kemurungan, dan masalah kesihatan. Aspek kesihatan guru juga perlu dititik beratkan terutamanya terhadap guru berpengalaman yang lebih terjejas kerana faktor usia. Kerjasama antara rakan sekerja, para pentadbir, murid dan ibu bapa juga amat diperlukan bagi menjamin kestabilan sikap guru yang mampu menyokong PdPR sebaik mungkin. Keseimbangan sikap yang positif guru ini penting dalam memastikan perkembangan murid semasa PdPR tidak keciciran.

Oleh itu, perkongsian ilmu berkaitan dengan cara menangani masalah ini perlu kerap diperdengarkan sama ada di kaca televisyen mahupun di media sosial agar tahap kesedaran tentang pentingnya kesihatan jasmani dan rohani diberi pemberatan kepada guru novis dan guru berpengalaman. Langkah ini secara tidak langsung dapat membuka mata masyarakat yang juga merupakan ibu bapa dan juga para pelajar tentang besarnya pengorbanan guru-guru dalam memastikan sistem pendidikan negara terus berfungsi dengan cemerlang di saat negara sedang berdepan dengan musuh utama dunia kini.

Rujukan

Abdillah Royo, M., & Fun, W. S (2010). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stres) di kalangan guru-guru SJK(C): Satu kajian di tiga buah sekolah di Wilayah Persekutuan*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan.

- Abdullah, M. K., Johari, K., Ag Chuchu, A. Y., & Laji, H. (2014). Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkahlaku delinkuen murid sekolah menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5 (1), 59-78.
- Abdul Hadi, N. I. H. (2021) *Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Terhadap Para Pendidik*. Diperolehi pada 19 Jun 2021 daripada <https://www.jejaktarbiah.com/cabaran-pengajaran-dan-pembelajaran-di-rumah-pdpr>
- Ab Rahman, R. D. S & Abdul Wahab, N. (2020). Sikap dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran I-Think dalam proses pengajaran Pendidikan Islam di sekolah. *Asian People Journal*, 3(2), 24-35.
- Ahmad, Y. (2008). Masalah kesediaan guru permulaan: Sekolah perlu memainkan peranan utama untuk menyelesaikannya. *Jurnal Penyelidikan IPSAH*, 12.
- Ambotang, A. S. & Mohd Hashim, M. H. (2011). Hubungan iklim kerja dan stres dalam pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru. *Journal Of Techno-Social*. 69-81.
- Baharuddin, S. H. & Badusah, J. Tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru sekolah menengah terhadap penggunaan Web 2.0 dalam pengajaran Bahasa Melayu. (2016) *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 33-43.
- Hong, O. C. & Ismail, A. (2015). sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap tekanan kerja guru di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 42-57.
- Ishak, A.S & Rose, N.N. (2020). Kepuasan Pernikahan dalam Fahrudin, A., Mas'ud, F. Roses, N.N. Wardani, L.M.L (eds) *Dinamika Keluarga pada Masa Pandemik Covid-19*. Jakarta: UMJ Press.
- Kamarudin, K. (2007). Tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah. *Jurnal Kemanusiaan*, 5(2), 104-118.
- Kamarudin, S. & Taat, M. S. (2020). Pengaruh faktor-faktor tekanan kerja dalam kalangan guru di sekolah menengah: Satu analisis persamaan struktur (SEM-PLS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11), 104-115.
- Mahad, I., Magesvaran, U., & Hamzah, I. N.S. (2021). Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 11(1), 16-28.
- Manak Ek Klai & Kamarul Bahrin, F. (2020). Kesedaran tentang masalah kemurungan dalam kalangan guru. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*. 16(4), 273-284.
- Mohamed, T. (2018). Sources of occupational stress among teachers: A field of study for teachers working in Libyan Schools in Turkey. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*. 7(1), 1-15.
- Mojoyinola, J. K. (2008). Effects of job stress on health, personal and work behavior of nurses in public hospitals in Ibadan Metropolis, Nigeria. *Studies on Etho Medicine*, 2(2), 143-148.
- Palanisamy, V. M. (2020). *Pengurusan Stress Semasa Covid-19*. Diperoleh pada 5 November 2020, dari <https://hep.um.edu.my/BIL.%20%20-%20FINAL.pdf>
- Pratt, J. (1978). Perceived stress among teachers: the effects of age and background of children taught. *Educational Review*, 30, 3-14.
- Prof Dr Samsilah Roslan. 14 April 2020. *PKP uji kerjasama ibu bapa, guru*. Diperoleh pada 25 Jun 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/676871/pkp-uji-kerjasama-ibu-bapa-guru>

- Prof Madya Dr Azlin Norhaini Mansor. *Covid-19: Cabaran Buat Guru*. (2021). Diperoleh pada 19 Jun 2021 daripada <https://www.bernama.com/Bm/Tintaminda/News.php?Id=1909566>
- Ryan, S. V., Von der Embse, N. P., Pendergast, L. L., Saeki, E., Segool, N., & Schwing, S. (2017). Leaving the teaching profession: The role of teacher stress and educational accountability policies on turnover intent. *Teaching and Teacher Education*, 66, 1–11.
- Sipon, S. (2010). *Pengurusan Stres*. Universiti Malaysia Sabah.
- Sprenger, J. (2011). Stress and coping behaviors among primary school teachers. Unpublished dissertation of Master of Arts, Greenville, North Carolina: East Carolina University.
- Sokal, L., Trudel, L.E., & Babb, J. (2020). Canadian teachers' attitudes toward change, efficacy, and burnout during The COVID-19 Pandemic. *International Journal of Educational Research*.
- Statt, D.A. (2004). *Psychology and the world of work*. Edinburgh: Palgrave Macmillan.
- Syed Halim, S. S., & Nasir, R. (2010). Kesan Kecerdasan Emosi ke atas Tekanan Kerja dan Niat Berhenti Kerja Profesion Perguruan. *Jurnal e-Bangi*, 5(1), 53-68.
- Tahnimalai, T & Baloh, S. (2021). Cabaran Pdpr Bahasa Tamil di sekolah luar bandar. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanity*, 5(2), 183-190.
- Yusop, R. & Mahamod, Z. (2015). Keberkesanan peta pemikiran (i-Think) dalam meningkatkan pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 31-37.
- Zakaria, N. & M. Yusof, H. (2017). Kesan tekanan kerja: Tinjauan dalam perspektif kecerdasan emosi. *The Colloquium*, 12, 24-47.